



buletin Selayangku Sayang

BIL 2/2012

EDARAN PERCUMA

SEMINAR AHLI MAJLIS KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



SEMINAR Ahli Majlis MPS telah diadakan pada 27 hingga 30 Jun 2012 di Hotel Gurney, Pulau Pinang. Objektif seminar ialah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada Ahli Majlis dan pengarah jabatan dalam menjalankan tugas sehari-hari.

Selain seminar, para peserta telah dibawa melawat Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Semasa lawatan ke Pejabat Ketua Menteri, para peserta telah disambut oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

En. Ismail bin Mokhtar, Ketua Bahagian Dasar dan Kemajuan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membentangkan kertas kerja mengenai Peranan dan Tanggungjawab Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Selepas pembentangan telah diadakan sesi soal jawab.

Bagi memberi pendedahan dan penerangan berkaitan Pelan Strategik MPS 2011 - 2015, En. Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Korporat MPS telah menyampaikan taklimat berkaitan yang turut memberi peluang kepada Ahli Majlis memberi pandangan dan penambahbaikan.

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT KETUA MENTERI PULAU PINANG

Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang telah berkesempatan untuk meraikan peserta Seminar Ahli Majlis MPS yang diketuai Dato YDP pada 29 Jun 2012 di Pejabat Ketua Menteri, Menara Komtar.

Dalam ucapan aluannya beliau berharap agar kakitangan awam dapat meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan wawasan kerajaan negeri demi kebaikan rakyat.

Beliau percaya jika kita ikhlas dan jujur dalam menjalankan tugas, kualiti kehidupan dan persekitaran kawasan akan bertambah baik.

Selepas menyampaikan ucapan, beliau telah mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan.



twitter.com/mpselayang



www.facebook.com/majlisperbandaranselayang



[flickr www.flickr.com/photos/selayangcitycouncil/](http://www.flickr.com/photos/selayangcitycouncil/)



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dato' Zainal Abidin bin Aala | ydp@mps.gov.my
Tuan Mohamad Zain bin A Hamid | zain@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin Bin Masoad | zin@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak | ahmad_fauzi@mps.gov.my
En. Azhar bin Che Salleh | azhar_salleh@mps.gov.my

PENGARANG

Puan Hajah Jamaliah Bt. Ahmad | jamaliah@mps.gov.my

Pn. Nor Masliawaty Asmawar binti Baharuddin
masliawty@mps.gov.my

JURUFOTO

Cik Anissapinah bt. Mohd Dan | anis@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

ALHAMDULILLAH segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya jua maka kita dapat menerbitkan Buletin Selayangku Sayang bilangan 2/2012.

Saya mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada tiga orang Ahli Majlis yang baru bagi sesi 2012-2013. Kami warga MPS amat berharap dengan lantikan ini akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai. Tiga orang Ahli Majlis MPS yang baru dilantik yang menjadikan keseluruhan Ahli Majlis MPS sekarang seramai 24 orang. Mereka ialah :

- 1) Tuan Juzarim Isma bin Junaidi
- 2) Tuan Ng Kok Chuan
- 3) Tuan Yogasigamany Krishnasamy

Sebagai pihak berkuasa tempatan kita mempunyai pelbagai peranan dan fungsi untuk dilaksanakan iaitu sebagai pembekal perkhidmatan bandar, pihak berkuasa perancangan tempatan, pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi, pengutip hasil cukai taksiran dan juga penguasa perbandaran.

Sememangnya tidak dapat dinafikan pelbagai isu dan masalah yang terpaksa dihadapi dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Oleh yang demikian, saya amat berharap dengan kerjasama semua ahli-ahli majlis dan warga MPS, dapatlah kita merealisasikan visi untuk menjadikan Selayang mampan, sejahtera dan progresif menjelang 2015.

Suka saya ingatkan di sini bahawa kita perlu berganding bahu dan bekerja rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin masyarakat, jawatankuasa penduduk dan sebagainya, bagi mendapatkan pandangan dan kerjasama dalam membentuk pentadbiran yang lebih bertanggungjawab dan mesra rakyat.

Untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni dan lestari, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang adalah menjadi faktor amat penting. Tugas dan tanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang tidak hanya kepada masalah gerai haram atau premis perniagaan tanpa lesen sahaja. Ianya adalah meliputi penguatkuasaan pelan pembangunan, isu alam sekitar dan hubungan sosial di kalangan penduduk.

Sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar setiap warga MPS berusaha untuk meningkatkan tugas dan tanggungjawab masing-masing ke arah mutu penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA

(D.P.M.S., K.M.N., S.M.S., A.M.N., P.J.C., A.M.S., P.J.C.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG (MPPP)

AHLI Majlis dan Pengarah Jabatan MPS telah melakukan lawatan sambil belajar ke Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 28 Jun 2012.

En. Ang Aing Thye, Setiausaha Perbandaran MPPP telah menyampaikan ucapan aluan sebagai mewakili YDP MPPP.

Puan Hajah Norizan, Ketua Bahagian Lanskap MPPP telah menyampaikan taklimat berkaitan penyelenggaraan taman dan konsep pembangunan lanskap. Taklimat juga telah menyentuh mengenai konsep kerjasama dengan pemaju dalam program anak angkat untuk lanskap di bulatan dan di tepi-tepi jalan yang strategik.

Selepas taklimat, para pelawat telah dibawa ke Taman Perbandaran.



Imbas kod QR ini
untuk lebih banyak
gambar.



Perlantikan 3 Ahli Majlis Baru

KERAJAAN Negeri Selangor telah melantik tiga orang lagi untuk menjadi Ahli Majlis MPS sesi 2012 - 2013. Mereka yang dilantik ialah Tuan Juzarim Isma bin Junaidi, Tuan Ng Kok Chuan dan Tuan K.Yogasigamani. Perlantikan tersebut melengkapkan bilangan Ahli Majlis MPS seramai 24 orang.

Majlis Lafaz Terima Akuan Jawatan Ahli Majlis telah diadakan pada 11 Jun 2012 di hadapan Dato' YDP.

Walau bagaimanapun Tuan K. Yogasigamani tidak hadir kerana masih berada di luar negeri.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah ialah YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Pa'Wan Teh, Tuan Abdul Rahim bin Ahmad Kasdi, selaku Ketua Ahli Majlis, Ahli-Ahli Majlis dan para Pengarah Jabatan.

Dalam ucapan aluannya, Dato' YDP berharap Ahli Majlis yang dilantik akan menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Beliau yakin Ahli Majlis yang dilantik akan dapat membantu membangun dan memajukan kawasan pentadbiran MPS.



Hari Bertemu Pelanggan *Dekati Hati Masyarakat*

DALAM mengamalkan budaya kerja mesra rakyat, MPS terus mengadakan Hari Bertemu Pelanggan (HBP) yang diadakan pada hari Jumaat minggu pertama setiap bulan.

Melalui program ini, orang ramai berpeluang untuk menyelesaikan masalah seperti pelesenan, pelan bangunan, kompaun dan sebagainya secara terus dengan kehadiran Dato' YDP dan pengarah-pengarah jabatan.

Sepanjang bulan April hingga Jun 2012, tiga program HBP telah diadakan di Lobi Menara MPS. Sebanyak 98 kes telah diterima dan kebanyakannya telah dapat diselesaikan. Untuk kes yang tidak dapat diselesaikan, tindakan susulan akan diambil seperti mengadakan lawatan ke tapak, perbincangan melalui mesyuarat atau dialog dan memanjangkan kes ke jabatan yang berkaitan.



‘Jalinan Kasih’ Erat Hubungan MPS dan PTD GOMBAK



MPS telah mengadakan Majlis Makan Malam ‘Jalinan Kasih’ bersama Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTD Gombak) pada 27 April 2012 bertempat di Tea Pot Cafe, Perangsang Templer Golf Club (PTGC), Rawang.

Dalam ucapan aluannya, Dato' YDP menyatakan bahawa majlis ini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan ramah mesra pihak pengurusan kedua-dua agensi. Majlis yang julung kali diadakan ini juga bermatlamat untuk mewujudkan ikatan untuk saling kenal mengenali antara satu sama lain bagi memudahkan tugas sehari-hari yang melibatkan kedua-dua agensi.

Tuan Zahrin Mohd. Saad, Pegawai Daerah Gombak dalam ucapan balasnya berharap hubungan dapat dijalankan lebih erat bagi menjamin segala bentuk urusan kerja menjadi lebih mudah, cepat dan tepat.

Majlis tersebut telah turut dihadiri seramai 25 orang pegawai dan kakitangan PTD Gombak dan 30 orang pegawai dan kakitangan MPS. Adalah diharapkan majlis ini dijadikan sebagai acara tahunan.

Imbas kod QR untuk melihat lebih banyak gambar



INFO ZON BERSIH

Pameran Zon Bersih di MBPJ

PAMERAN Zon Bersih peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 6 hingga 8 April 2012 bertempat di Dataran Sunway, Kota Damansara, Petaling Jaya.

Objektif pameran ini adalah bagi memastikan wakil dan anggota urusetia Zon Bersih PBT mempamerkan semua usaha perlaksanaan Zon Bersih peringkat PBT masing-masing dan menjadi salah satu syarat dalam memenuhi kriteria pemarkahan zon bersih.



Imbas Kod QR ini dengan telefon pintar anda untuk muat turun brosur Zon Bersih

Panel Zon Bersih BBS



LAWATAN Panel Pengauditan Zon Bersih, Bandar Baru Selayang telah diadakan pada 14 Jun 2012. Bandar Baru Selayang adalah merupakan kawasan zon bersih MPS bagi tahun 2011. Tujuan pengauditan ini adalah bertujuan untuk memastikan kawasan tersebut selaku kawasan lama zon bersih terus dipantau dan dijaga mengikut kriteria yang ditetapkan sebelum ini.

Seramai tujuh orang panel dari pelbagai agensi telah hadir untuk menilai kawasan ini.

Bagi kawasan Bandar Baru Selayang, Tuan Murugesu adalah merupakan Ahli Majlis yang bertanggungjawab terhadap Program Zon Bersih kawasan Bandar Baru Selayang. Turut menyertai lawatan Panel Pengauditan ini ialah Tuan Murugesu dan wakil-wakil setiap jabatan dalaman MPS.

Pemasangan Perangkap Minyak



KE arah meningkatkan tahap kebersihan di gerai-gerai MPS, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi peruntukan bagi kerja-kerja pemasangan perangkap minyak.

Antara gerai-gerai MPS yang terpilih ialah Gerai MPS Selayang Indah, Gerai MPS Taman Sri Batu Caves, Gerai MPS Sg. Pusu, Gerai MPS Taman Samudera, Gerai MPS Taman Bolton, Gerai MPS Wira Damai Fasa 1, Gerai MPS Desa Jaya, Gerai MPS Taman Bidara, Gerai MPS Sengkuap Samudera dan Gerai MPS Stadium Selayang.

1,354 Gagak Ditembak



OPERASI Menembak Gagak telah diadakan pada 3 Jun 2012 bermula 6.00 pagi sehingga 9.00 malam.

Program tahunan ini bertujuan untuk mengurangkan jumlah populasi burung gagak yang mengakibatkan kekotoran di sekitar kawasan di samping untuk mengurangkan kacau ganggu.

Kawasan tumpuan ialah di Bandar Baru Selayang, Selayang Baru, Batu Caves, Taman Sri Gombak, Taman Ehsan, Kepong, Bandar Baru Rawang, Bandar Country Homes, Rawang dan Batu Arang.

Seramai 100 orang penembak telah terlibat dalam operasi tersebut.

RM2,245 Hasil Lelongan Awam

LELONGAN awam telah diadakan pada 28 Mei 2012 bertempat di Lobi Menara MPS.

Lelongan awam adalah mengikut Akta 171:Akta Kerajaan Tempatan, Seksyen 148 ini yang mana barang-barang yang dilelong adalah barang-barang yang disita oleh sebab pemilik gagal membayar cukai taksiran.

Melalui akta ini juga, harta pihak kena tuntut akan dijual secara lelongan awam untuk mendapatkan bayaran cukai taksiran dan lain-lain kos yang belum dijelaskan kepada pihak menuntut sehingga tarikh notis lelongan ini dikeluarkan.

Jumlah keseluruhan hasil lelongan adalah sebanyak RM2,245.00 yang meliputi 47 jenis barang iaitu barang-barang elektrik dan kamera. Seramai lebih kurang 200 orang telah hadir semasa lelongan tersebut.

Adalah diharapkan, semua pembayar cukai dapat menjalankan tanggungjawab dengan membayar cukai bagi mengelakkan harta benda pemilik disita dan juga dapat mengurangkan jumlah tunggakan cukai taksiran pemilik akaun.



MASALAH SAMPAH

Perkhidmatan Lebih Baik, Aduan Menurun Selepas MPS Guna Pelbagai Pendekatan

ADUAN berkaitan masalah sampah di hampir kesemua kawasan MPS kini mengalami penurunan mendadak sejak awal April lalu. Ini dibuktikan menerusi pemantauan berkesan dan langkah membaik pulih kawasan yang menerima aduan tertinggi sejak khidmat Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) diberhentikan September tahun lalu.

Khidmat semua kontraktor tidak efisien dihentikan dan diganti dengan kontraktor berkemampuan dari segi peralatan dan

kakitangan.

MPS telah mengambil langkah menamatkan kontrak kontraktor yang gagal menyediakan lori kompektor yang mencukupi. Terdapat lima kontraktor yang ditamatkan kontrak melibatkan dua kontraktor di Gombak dan satu masing-masing di Rawang, Kuang dan Selayang. Sebanyak tiga kontraktor pula manarik diri untuk kawasan Gombak, Rawang dan Selayang. Kesemua tempat yang terlibat diletakkan kontraktor sokongan sementara

menunggu proses pembukaan tender baru.

Daripada lima zon yang dikenal pasti mempunyai aduan tertinggi juga kini berjaya dikurangkan dan hanya kawasan Pinggiran Batu Caves yang bermasalah. Bagi memastikan kerja pengutipan sampah berjalan lancar, MPS juga telah menyediakan panel kontraktor jika kontraktor sedia ada gagal menjalankan tanggungjawab mereka.



► Majlis dialog bersama penduduk Apartment Kepong Sentral

MAJLIS dialog ini telah diadakan pada 10 Jun 2012 bertempat di Perkarangan Apartment Kepong Sentral. Majlis dialog anjuran JK Penduduk, telah dihadiri oleh Dato' YDP, Y.B. Puan Elizabeth Wong, ADUN Bukit dan Y.B. Tuan Sivarasa, Ahli Parlimen Subang.

Tujuan program yang diadakan ini adalah untuk memberi peluang kepada penduduk untuk mengemukakan masalah yang berbangkit dan jalan penyelesaian. Selain itu, program ini juga akan membuka ruang MPS untuk mendekati masyarakat dengan lebih dekat.

Sebanyak 30 aduan diterima, beberapa persoalan dan aduan telah diajukan oleh penduduk. Aduan yang diterima adalah meliputi kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan, masalah-masalah kutipan sampah, masalah anjing liar, dan masalah mengenai status kewujudan Badan Pengurusan Apartment (JMB) apartment tersebut. Program-program ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa agar segala masalah yang dihadapi oleh penduduk dapat dikenalpasti dan diselesaikan.



Lawatan Panel KIK Negeri Selangor

MPS telah mencalonkan dua pasukan untuk menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Negeri Selangor tahun 2012.

Pasukan Una Voce, Bahagian Undang-Undang membentangkan projek Menyediakan Kaedah Yang Mudah dan Cepat Untuk Menyemak Peruntukan Undang-Undang manakala Pasukan Sharp Target, Jabatan Kejuruteraan membentangkan projek Kelewatan Proses Penyelenggaraan Aset Alih.

Pasukan panel diketuai En. Mohamad Hanafi bin Ahmad, Setiausaha Bahagian Korporat, SUK telah hadir untuk melihat projek sebelum persembahan di konvensyen tersebut.



► Majlis dialog MPS bersama penduduk Bukit Rahman Putra



JAWATANKUASA Penduduk Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh telah mengadakan majlis dialog bersama MPS pada 10 Jun 2012.

Majlis dialog ini telah dihadiri oleh Dato' YDP bersama pengarah-pengarah jabatan MPS.

Antara isu yang diajukan oleh penduduk meliputi masalah lampu jalan yang tidak menyala, pembersihan longkang dan pemungutan sampah, anjing liar, lori-lori kuari yang menggunakan jalan berhampiran kawasan perumahan penduduk, permohonan untuk menyediakan bongkol dan lain-lain lagi.

Selain Ahli Jawatankuasa Penduduk, majlis dialog ini turut dihadiri 20 orang penduduk setempat.

Lawatan kerja dan Demo Mesin Organocycler Bell Enviro Sdn. Bhd.



MAJLIS Perbandaran Selayang telah melakukan lawatan kerja ke kilang Bell Enviro Sdn. Bhd di Lot 3, Jalan Perusahaan 4, Kawasan Industri Beranang, pada 2 Mei 2012.

Lawatan telah diketuai oleh Y.A.D. Tan Sri Dato' Paduka Raja Hj. Wan Mahmud Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak selaku Ahli Majlis, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah Jabatan dan wakil setiap jabatan MPS. Lawatan ini adalah bagi melihat bagaimana sampah yang dikutip telah diproses menjadi bahan atau baja organik.



5S AMALAN KAMI

Pemeriksaan Pensijilan 5S MPC

PELAKSANAAN Audit Pensijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (APB) 5S oleh MPC telah diadakan pada 17 Mei 2012.

Mesyuarat pembukaan dan penutup telah dipengerusikan oleh Dato' YDP telah turut dihadiri JK Induk APB 5S. Pengerusi JK Pemandu APB 5S, En. Mohamad Zin bin Masoad telah menyampaikan taklimat pelaksanaan kepada juruaudit MPC Tuan Hj. Mohamad Tajuddin bin Abdullah.

Dalam program APB 5S, sebanyak 17 zon telah ditubuhkan. Secara keseluruhannya, MPS telah berjaya membuktikan kejayaan untuk mengimplimantasi APB 5S untuk memudahkan dan mempercepat urusan kepada pelanggan.



Audit Dalam APB 5S

PASUKAN Audit Dalam 5S yang diketuai Pn. Norhayati Ahmad, terdiri daripada 18 orang juru audit dari pelbagai jabatan di MPS telah menjalankan beberapa siri auditan APB 5S.

Pada tahun 2011, pasukan ini telah mengadakan dua auditan iaitu pada 27 - 28 Oktober dan 14 - 15 Disember 2011. Manakala pada tahun 2012, pasukan audit juga telah membuat dua kali auditan iaitu pada 22 - 23 Februari 2012 dan 18 - 20 April 2012.

Objektif pelaksanaan audit ini adalah untuk melihat tahap kesediaan setiap jabatan dalam melaksanakan APB 5S secara total dan sistematik. Sebanyak 17 zon telah dilawat periksa bagi menilai tahap pelaksanaan amalan 5S.



Lawatan Jawatankuasa 5S Ke Jabatan Perkhidmatan Awam



JAWATANKUASA Amalan Persekuturan Berkualiti (APB) 5S MPS telah melakukan lawatan ke Cawangan Pengurusan Kompetensi (CPK) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di The Mines, Seri Kembangan pada 5 April 2012.

Tujuan lawatan adalah untuk membawa Ahli Jawatankuasa Audit Dalam APB 5S dan Pegawai Penyelaras (PIC) APB 5S untuk melihat lebih dekat dan mempelajari pelaksanaan APB 5S untuk dilaksanakan di MPS. Selain itu, lawatan ini memberi peluang kepada Ahli Jawatankuasa APB 5S MPS memahami kaedah dan konsep APB 5S dengan jelas dan lebih sistematik.

En. Abdul Razak Anwar selaku Ketua Penolong Pengarah CPK telah menyampaikan taklimat APB 5S.

Seramai 37 orang kakitangan telah mengikuti lawatan tersebut yang diketuai En. Mohamad Zin bin Masoad, Pengerusi APB 5S, Ahli Jawatankuasa Audit Dalam, Pegawai Penyelaras (PIC) Zon-zon dan Urusetia APB 5S, MPS.

Imbas kod QR ini lebih banyak gambar lawatan Jawatankuasa 5S ke JPA



Bengkel Dokumentasi ISO

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan satu Bengkel Program MS ISO 9001:2008 dimana tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk MPS mengenal pasti jika terdapat sebarang masalah dalam perlaksanaan Program MS ISO 9001:2008. Bengkel yang diadakan selama dua hari pada 10 hingga 12 Mei 2012 di Hotel Syuen, Ipoh, Perak.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dato' YDP memaklumkan bahawa bengkel dokumentasi ini diadakan bagi menyemak semula Sistem Pengurusan Kualiti iaitu dari segi penyediaan, perubahan dokumen dan seterusnya dari segi kawalan dokumen. Bengkel ini juga bertujuan membincangkan dan mendapatkan kaedah pelaksanaan berkaitan teguran audit SIRIM pada 30 hingga 31 Mei 2011. Beliau seterusnya memaklumkan bengkel ini juga sebagai persediaan menghadapi pelaksanaan tindakan susulan audit pemantauan oleh pihak SIRIM QAS pada tahun 2012.



Dalam ucapan penutupnya, Dato' YDP telah merumuskan bahawa bengkel yang diadakan ini berjaya menyiapkan empat prosedur kerja yang baru untuk didokumentasikan iaitu Pengurusan Majlis Rasmi MPS, Proses Permohonan Tuntutan

Cagaran Sisa Binaan, Proses Tuntutan Peruntukan Program Kemasyarakatan dan Pengesahan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Selamat Bertugas **Kakitangan Lantikan Baru MPS** dari April - Jun 2012

BIL	TARIKH LANTIKAN	NAMA	JAWATAN / JABATAN
1	16 April 2012	Muhamad Narazlan bin Muhamad Nagiat	Pekerja Awam R1
2	16 April 2012	Muhamad Aizzad bin Hamzah	Pekerja Awam R1
3	16 April 2012	Prabaharan a/l Batumaly	Pekerja Awam R1
4	16 April 2012	Chellah a/p Paidthalli	Pekerja Awam R1
5	16 April 2012	Thivashini a/p Saundaraja	Pekerja Awam R1
6	16 April 2012	Sasidaran a/l Ganesan	Pekerja Awam R1
7	16 April 2012	Charles Raja a/l Susappah	Pekerja Awam R1
8	16 April 2012	Khairul Irwan bin Kamaruzaman	Pekerja Awam R1
9	16 April 2012	Abdul Rasyid bin Abdul Rahman	Pekerja Awam R1
10	16 April 2012	Khairul Ikhwan bin Soleh	Pekerja Awam R1
11	16 April 2012	Sridharan a/l Avisvanathan	Pekerja awam R1
12	16 Mei 2012	Mohd Shahrol bin Mat Saad	Penyelamat N1 (Jab. Penilaian & Pengurusan Harta)
13	16 Mei 2012	Ahmad Rodzuan bin Abdul Latif	Penyelamat N1 (Jab. Penilaian & Pengurusan Harta)

►► 16 Kompaun dikeluarkan MPS



SEBANYAK 16 kompaun bernilai RM 21,500 dan 14 notis telah dikeluarkan dalam Operasi Bersepudu yang telah diadakan pada 31 Mei 2012 yang membabitkan enam jabatan dalaman MPS.

Pemeriksaan bulanan itu bertujuan untuk memastikan premis berlesen mematuhi syarat selain memantau aduan penduduk mengenai kegiatan warga asing yang berniaga secara haram.

Operasi ini diketuai oleh Jabatan Perlesenan yang melibatkan seramai 25 anggota dalam operasi ini dan sebanyak 46 premis telah diperiksa membabitkan kawasan Matang Pagar dan Taman Bukit Rahman Putra, Sg. Buloh.

►► Premis tidak serik kena sita

OPERASI Pusat Siber dan Kafe Siber telah diadakan di Bandar Country Homes, Rawang pada 20 Jun 2012 ini telah mengenalpasti sebuah premis pusat siber yang enam kali dikenakan tindakan kompaun dan sitaan adalah antara 11 yang didapati bersalah menjalankan operasi tanpa permit.

Operasi itu mendapat banyak premis pusat siber yang beroperasi tanpa permit dan melebihi masa. Sebanyak empat kompaun telah dikeluarkan di bawah Undang-undang kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MPS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen dan tujuh premis telah disita atas kesalahan sama.

Sebanyak 102 komputer telah dirampas dalam operasi ini. Operasi berterusan akan dilakukan bagi membendung masalah ini terutama melibatkan warga asing.



► **MELEPASKAN IKAN.** Seminggu sebelum penganjuran GP Joran Selangor di Tasik Kota Puteri, Ijok, Dato YDP bersama penganjur Wak Jali Event Management dan wakil PKNS melepaskan satu tan ikan pelbagai jenis.

►► CIDB dan MPS mengukuhkan kolaborasi kerjasama

BAGI tujuan memastikan pematuhan terhadap prosedur pembinaan dipatuhi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan operasi pemeriksaan mengejut ke tapak pembinaan di kawasan MPS.

Operasi bersama ini telah diadakan pada 30 Mei 2012 juga bertujuan untuk memantau senarai kontraktor yang tidak berdaftar, pembinaan tidak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), kerja-kerja tidak mendapat kelulusan PBT dan pengambilan pekerja asing tidak mempunyai dokumen.

Selain itu, operasi ini juga bertujuan untuk memastikan tahap persekitaran tapak binaan selamat dan selaras hasrat untuk memodenkan industri pembinaan negara.

Kejohanan Futsal Gen-S Jelajah Selangor 2012 Peringkat MPS

KEJOHANAN ini telah diadakan pada 7 April 2012 bertempat FHMJ Futsal Centre, Taman Sri Gombak.

Dalam ucapan perasmianya YB. Tuan. Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, Exco Kerajaan Negeri Selangor menyeru kepada golongan belia untuk mengambil bahagian dalam acara ini yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan bola sepak. Kerajaan negeri menurutnya akan sedaya upaya berusaha memenuhi tuntutan golongan belia untuk terus aktif dalam aktiviti yang berfaedah.

Pasukan PeBT Zon 11 (A) telah menjadi johan, tempat kedua dimenangi Pasukan Prince dari Zon 9 (A), tempat ketiga dimenangi pasukan MPS (A) dan tempat keempat dimenangi oleh Pasukan HHMCF (C).

Upacara penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB. Tuan Amirudin Bin Shari, Pembantu Exco Negeri Selangor.

Kejohanan ini telah berjaya mengumpul sebanyak 48 penyertaan.



Kejohanan Futsal Gen-S Jelajah Selangor 2012 PERINGKAT NEGERI SELANGOR



PADA Kejohanan Futsal Gen-S Jelajah Selangor PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2012 MPS telah diiktiraf Sebagai Pengajur Terbaik Kejohanan Gen – S Futsal Jelajah Selangor Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bagi Tahun 2012.



KEJOHANAN MEMANCING

GP Selangor

KEJOHANAN Memancing GP Selangor 2012 siri ke-6 telah diadakan pada 20 Mei 2012 bertempat di Tasik Kota Puteri, Ijok. Kejohanan anjuran Kerajaan Negeri Selangor ini melibatkan semua PBT seluruh negeri dan untuk siri ini ianya dianjurkan dengan kerjasama MPS dan PKNS.

Para peserta telah mula membanjiri Tasik Kota Puteri ini seawal jam 7 pagi

Majlis perasmian kejohanan memancing ini telah dilakukan oleh Dato' YDP dan turut dihadiri wakil UPEN Negeri Selangor dan wakil PKNS.

Dalam ucapan perasmian penutup, YB Yaakob b. Sapari, Exco Kerajaan Negeri Selangor menyatakan GP Selangor 2012 bermatlamat untuk meningkatkan industri pelancongan domestik dan menyediakan aktiviti riadah di taman-taman tasik sekitar Negeri Selangor.

Disamping itu, ikatan kekeluargaan silaturahim juga dapat dikukuhkan di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum. Selain itu, pertandingan ini dapat

meningkatkan industri perikanan serta industri hiliran berdasarkan perikanan di samping dapat membantu ekonomi bumiputera seluruh Selangor terutama di kawasan pentadbiran Selayang khususnya peniaga kecil.

Pertandingan ini yang dikendalikan oleh Wak Jali Event Management menawarkan hadiah menarik. Tempat pertama dimenangi oleh Huzail Bin Hj Aman yang membawa pulang wang tunai RM25,000. Tempat kedua pula dimenangi oleh Shankar A/L Kathviveloo dengan wang tunai RM9,000 dan tempat ketiga menjadi milik Nur Helimi Lut dengan wang tunai RM4,000.

Pemenang bagi setiap siri pertandingan ini akan layak menyertai pertandingan Grand Slam yang akan diadakan pada 16 Disember 2012 yang mana untuk tempat pertama akan membawa pulang sebuah Proton Persona.

Pertandingan tersebut telah disertai seramai 976 pemancing dari seluruh negara.



KLINIK BADMINTON BERSAMA DATUK MISBUN SIDEK



KLINIK badminton ini telah diadakan pada 20 April 2012 di Dewan Sri Siantan, Sungai Tua. Klinik selama satu hari ini adalah kerjasama antara Majlis Perbandaran Selayang dan Persatuan Badminton Kelab Nusa Mabsuri. Klinik ini dikendalikan oleh bekas jaguh badminton negara iaitu Datuk Misbun Sidek.

Majlis Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari, ADUN Batu Caves. Turut hadir sama ialah Ahli majlis, Pengarah serta wakil jabatan, PeBT selaku urusetia dan hampir 100 orang peserta yang telah terlibat.

Objektif program ini adalah bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada warga perbandaran Selayang tentang teknik-teknik dan cara permainan sukan badminton dengan betul.